

**KENYATAAN AKHBAR**  
**MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**  
**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)**



**STATUS KUALITI UDARA PADA 5 OGOS 2014 (SELASA)**

Pada hari ini, bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan pada jam 7.00 pagi menunjukkan 23 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik dan 28 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana. **Tiada kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat.** Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my>

**MAKLUMAT TITIK PANAS (HOTSPOT)**

Musim Monsun Barat Daya yang sedang dialami negara dijangka berterusan sehingga bulan September 2014.

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada 4 Ogos 2014, bilangan titik panas (hotspot) yang dikesan melalui imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA)* 18 di Sumatera, Indonesia adalah sebanyak 42 titik panas (hotspot), manakala sebanyak 33 titik panas (hotspot) dikesan di Kalimantan, Indonesia. Peta jerebu serantau (seperti di **Rajah 1**) menunjukkan taburan titik-titik panas (hotspots) dan **lingkaran asap jerebu dari kawasan kebakaran di Wilayah Riau, Sumatera, Indonesia.**

Selain itu, sebanyak 24 titik panas (hotspot) dikesan dalam negara iaitu di negeri Sarawak (17) dan Sabah (6) dan Selangor (1). Kesemua titik panas (hotspot) yang dikesan dalam negara akan disiasat dan diambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya.

## TINDAKAN -TINDAKAN YANG DIAMBIL

Dalam usaha menangani musim panas dan kering Monsun Barat Daya dan impak fenomena cuaca El Nino yang boleh menyebabkan cuaca menjadi lebih panas dan kering yang seterusnya memudahkan berlakunya kebakaran terbuka dalam negara, NRE melalui JAS telah mengambil beberapa langkah awal, antaranya:-

1. Mengaktifkan **Pelan Tindakan Pencegahan Pembakaran Terbuka** di seluruh negara mulai bulan Februari 2014. Ia meliputi aktiviti-aktiviti rondaan darat bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan terutamanya ke kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti mudah terbakar, tindakan mahkamah bagi kes-kes pembakaran terbuka di kawasan tapak binaan, industri dan ladang manakala bagi kes-kes pembakaran terbuka yang kecil tindakan kompaun akan dikenakan; mengeluarkan secara serentak surat-surat arahan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bertanggungjawab ke atas tapak pelupusan sampah supaya mengambil langkah pencegahan serta sentiasa mengawal rapi dan memastikan tapak-tapak pelupusan tidak terbakar bagi mengelakkan jerebu, mempertingkatkan kempen-kempen kesedaran khususnya melalui radio tempatan bagi mengingatkan orang ramai untuk tidak melakukan pembakaran terbuka, penglibatan masyarakat setempat melalui Program Pasukan Pemantau Pencemaran (3P) bagi membantu memantau kes-kes pembakaran terbuka dan memperkemaskan sistem dan saluran komunikasi penerimaan aduan pembakaran terbuka dari orang ramai;
2. Pemantauan rapi ke atas kawasan-kawasan tanah gambut yang sering terbakar melalui pengaktifan **Prosedur Tetap Operasi (PTO) Program Pencegahan dan Pengurusan Tanah Gambut Sering Terbakar** di mana pemeriksaan di lapangan dijalankan setiap hari bagi mengawasi paras air dalam saluran gambut (*check dam*) agar tidak menyusut dan pengepaman air dari telaga air tanah bagi melembapkan lapisan tanah gambut agar tidak menjadi kering dan mudah terbakar;

3. Pengeluaran **Perintah Larangan Pembakaran Terbuka** bagi seluruh negeri Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya semenjak bulan Mac 2014. Melalui larangan pembakaran terbuka ini, semua aktiviti pembakaran terbuka di kawasan-kawasan yang berkenaan adalah dilarang sama sekali kecuali aktiviti tertentu iaitu pembakaran mayat, pembakaran bagi tujuan keagamaan, gril/barbeku dan pembakaran gas mudah terbakar (flaring). **Perintah Larangan tersebut sehingga hari ini masih berkuatkuasa;**
4. Penguatkuasaan semasa musim panas dan kering dipertingkatkan semenjak bulan Mac 2014 ke atas punca-punca pencemaran udara yang lain iaitu pelepasan asap dari kenderaan bermotor, pelepasan habuk dari kerja-kerja tanah dan pelepasan asap dari premis industri;
5. Pemantauan melalui udara (*aerial surveillance*) dilaksanakan bagi mencegah kebakaran hutan terutama di kawasan sering terbakar dan kawasan pedalaman yang berisiko tinggi berlaku kebakaran; dan
6. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja bagi Menangani Jerebu telah diadakan pada 18 Julai 2014. Ia diadakan bagi membincangkan persediaan dan tahap kesiap-siagaan pelbagai agensi dalam pengurusan jerebu yang melibatkan tindakan secara bersepadu dari aspek pencegahan, pemantauan dan pemadaman kebakaran terbuka.

Berdasarkan siasatan Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada tahun ini sehingga 4 Ogos 2014, sebanyak 4,427 kes pembakaran terbuka telah dikesan iaitu pembakaran terbuka melibatkan kawasan hutan (899 kes), kawasan pertanian (1,437 kes), kawasan industri (34 kes), kawasan pembinaan (137 kes), tapak pelupusan sampah (86 kes), kawasan belukar (1,014 kes) dan lain-lain pembakaran terbuka kecil (820 kes).

Bagi tindakan penguatkuasaan untuk tempoh yang sama, sebanyak 315 kes pembakaran terbuka telah dikenakan tindakan kompaun dan 101 kes telah dikeluarkan Notis Amaran.

Selain itu, sebanyak **45 kes pembakaran terbuka telah dibuka kertas siasatan untuk diambil tindakan mahkamah. Daripada jumlah tersebut, 14 kes telah dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya di mana 5 kes telah mendapat izin mendakwa dan telah didaftarkan di Mahkamah Sesyen untuk tujuan pendakwaan.**

Dalam situasi jerebu, tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas terus diambil sehingga boleh membawa kepada tindakan penangkapan ke atas mana-mana individu yang dipercayai dengan munasabah telah melakukan kesalahan di bawah peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 untuk membantu penyiasatan. Berikutan dengan berkuatkuasanya Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, (Pindaan) 2012 mulai 2 Januari 2013 yang memberi **kuasa menangkap penjenayah alam sekitar yang disyaki tanpa waran** di bawah peruntukan Seksyen 137 C, seramai 194 orang pegawai JAS telah diberikan surat kuasa khas dan latihan serta dalam keadaan bersiap sedia bagi melaksanakan peruntukan ini terutama bagi kesalahan yang menjejaskan kepentingan dan kesihatan awam termasuklah melakukan pembakaran terbuka.

## **NASIHAT / MAKLUMAN**

Semua pihak dinasihatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM 2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**.

**Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar**

**5 Ogos 2014**

PETA JEREBU SERANTAU, 4 OGOS 2014

(Sumber : ASEAN Specialised Meteorological Centre, Singapura)

